

01 AUG 2003

Syed Hamid-Myanmar

MYANMAR PERLU DIBERI MASA SELESAI MASALAH DALAMAN

KOTA TINGGI, 1 Ogos (Bernama) -- Malaysia berpendapat Myanmar wajar diberikan masa, yang diminta dan diperlukannya, untuk menyelesaikan masalah dalamannya bagi menjamin keselamatan dan kestabilan politik sebelum mengambil langkah membebaskan pemimpin prodemokrasi Aung San Suu Kyi.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Menteri Luar Myanmar Win Aung sendiri memberi jaminan kepadanya bahawa mereka akhirnya akan membebaskan Suu Kyi, tetapi memerlukan sedikit lagi masa untuk memastikan keselamatan dan kestabilan politik dalam negara mereka.

"Pada mesyuarat peringkat pertubuhan-pertubuhan Asia-Afrika di Bandung (Indonesia) beliau memberitahu mereka akhirnya akan membebaskan Suu Kyi, tetapi mereka mahu diberikan masa.

"Ini kerana mereka mahu situasi keselamatan dan masalah dalaman Myanmar tidak mengancam kestabilan politik negara mereka," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan anugerah kecemerlangan pelajar di Sekolah Kebangsaan Gembut, dekat Sedili hari ini.

Beliau berkata Myanmar juga memang berminat untuk meneruskan proses demokrasi dan rekonsiliasi di negara itu.

Syed Hamid berkata beliau melihat bahawa Myanmar tidak mahu pembebasan Suu Kyi itu dilakukan kerana tekanan dari luar kerana mereka sendiri sudah mengambil kira pandangan negara-negara Asean.

"Oleh kerana mereka minta diberikan masa, kita kenalah simpati dengan mereka dan memberikan mereka masa," katanya, yang bagaimanapun mengingatkan bahawa Myanmar juga tidak boleh mengambil masa yang terlalu panjang.

"Pada saya dia (Myanmar) minta masa, kita berilah dia masa, tetapi tidak boleh jangka masa yang panjang kerana proses rekonsiliasi yang sudah bermula akan menarik pandangan dan kritik umum bila tiba-tiba terbantut.

Beliau berkata pada Sidang Kemuncak Asean Okt ini, pembebasan Suu Kyi pasti tidak dapat dielak daripada terus dibincangkan dan Malaysia sendiri, yang merupakan negara paling kuat berusaha membawa masuk Myanmar ke dalam Asean, akan terus memberikan pandangan supaya Suu Kyi dibebaskan.

Menteri Luar itu berkata perkara itu jika tidak diselesaikan secepat mungkin tidak akan memberi sebarang manfaat kepada Myanmar.

Syed Hamid berkata bagi Malaysia sebarang tindakan berbentuk sekatan ke atas Myanmar akan hanya mensengsarakan rakyat Myanmar dan kerana itu ia bukanlah pendekatan yang sewajarnya.

"Yang penting pada masa ini ialah Suu Kyi seperti dilaporkan oleh Bulan Sabit Merah berada dalam keadaan sihat, selesa dan kelihatan tidak tertekan," katanya.

Malaysia juga, katanya, mahu peranan dan tugas yang dijalankan oleh wakil khas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Tan Sri Razali Ismail dalam mencari penyelesaian damai di Myanmar diteruskan.

"Kita hendak, kalau boleh juga Myanmar terimalah perwakilan dari negara-negara Asean yang hendak dibawa oleh Indonesia, yang merupakan perkara positif untuk Myanmar," katanya.

Mengenai pemecatan Myanmar dari Asean jika isu penahanan Suu Kyi berlarutan dan proses rekonsiliasi negara itu terus terbantu, Syed Hamid berkata seperti yang ditegaskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini, ia merupakan langkah paling akhir oleh Asean.

"Ia langkah paling akhir... jika Myanmar tidak mengambil kira langsung pandangan Asean sehingga kredibiliti Asean terjejas, maka kita akan fikirkan tindakan sewajarnya," tambah Syed Hamid.

-- BERNAMA
MNY MNY ZB